

**TEKS UCAPAN PENYEMPURNAAN
YBHG PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH
MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UITM**

SEMPENA

**MAJLIS FLAG OFF
PELEPASAN DELEGASI
PROGRAM KESIHATAN & BERKHATAN**

***REACHING OUT: UNIVERSITY SOCIAL
RESPONSIBILITY (USR) UiTM – JKN SABAH 2023***

ANJURAN:

**Universiti Teknologi MARA
& Bulan Sabit Merah Malaysia UiTM**

DENGAN KERJASAMA:

**Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Hospital Universiti Malaysia Sabah**

**28 FEBRUARI 2023 – 5 MAC 2023
SABAH (DALAM TALIAN)**

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, UiTM

Yang Berbahagia Datuk Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Kadir Bin Hj. Rosline

Rektor UiTM Cawangan Sabah

Yang Berusaha Dr. Zaiton Nasir

Pengarah Pusat Kesihatan UiTM merangkap Penasihat Program Reaching Out- USR: UiTM – JKN Sabah 2023

Yang Berusaha Dr. Nurfazlinda Md. Shah

Ketua Delegasi UiTM

Saudara Syed Ahmad Fattahuddin Bin Abd Ghani,

Ketua Projek Reaching Out USR UiTM- JKN Sabah

Saudara Rusyaidi bin Anuar @ Nur

Presiden Kelab Bulan Sabit Merah Malaysia UiTM Cawangan Sabah

Barisan delegasi AJK pelaksana program,

Pihak pengurusan UiTM,

serta para pelajar dari kampus UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Sabah.

[SALUTASI - KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama pada hari ini. Saya amat berbesar hati kerana saya diberikan peluang dan kesempatan untuk bersama dua kumpulan petugas sukarelawan UiTM.

(i) di UiTM Shah Alam secara bersemuka bersama saya ialah anak-anak mahasiswa UiTM Shah Alam yang dikasihi, para petugas kesihatan dan staf UiTM Shah Alam yang akan meninggalkan UiTM, merentasi lautan untuk mencipta sinergi bekerjasama bersama pasukan petugas kesihatan di Kota Kinabalu

(ii) di UiTM Sabah, secara maya bersama kita sekarang, Datuk Prof. Madya Dr. Hj Abdul Kadir bersama-sama anak-anak mahasiwa UiTM Sabah yang saya kasihi dan para petugas kesihatan dan staf UiTM Sabah Kampus Kota Kinabalu dan Kampus Tawau.

2. Dua pasukan hebat UiTM ini akan bertemu dan bergabung esok 28 Februari 2023 di Pulau Mabul untuk bekerjasama sebagai satu pasukan. Mereka akan menabur khidmat bakti menjayakan inisiatif murni dengan memberikan perkhidmatan kesihatan serta melaksanakan program berkhidmatan di Kampung Musuh dan Kampung Mabul, Pulau Mabul sehingga 2 Mac 2023. Seterusnya, meneruskan khidmat bakti mereka di Kampung Sinisian, Kundasang, Ranau, Sabah bermula 3 Mac 2023 hingga 5 Mac 2023.

3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para delegasi **Projek *Reaching Out- University Social Responsibility (USR): UiTM – JKN Sabah 2023*** atas inisiatif ini.

4. Kerjasama yang baik antara UiTM Shah Alam dengan UiTM Cawangan Sabah ini dan menunjukkan nilai sinergi yang tinggi di antara warga dalaman UiTM selari dengan hasrat UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

5. Kolaborasi mantap dan kerjasama strategik bersama organisasi kerajaan melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Hospital Universiti Malaysia Sabah, badan-badan bukan kerajaan malah penglibatan daripada Tentera Laut Diraja Malaysia dalam menjayakan program ini membuktikan kemampuan mahasiswa UiTM untuk menjalin perkongsian pintar industri dan komuniti.

6. Alhamdulillah, tahniah juga saya ucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM khususnya Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam, Pusat Kegiatan Pelajar dan Unit Kesihatan UiTM Sabah atas sokongan padu terhadap inisiatif kesukarelawanan oleh para pelajar persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Cabang UiTM Shah Alam dan Cabang UiTM Sabah ini.

“It takes individuals with special hearts To Reach Out To The Community.”

“And my boys and girls, you are the special people entrusted by the Almighty to serve the community.”

7. Buat anak-anak mahasiswa yang dikasihi, gunakan peluang ini sebagai pengalaman yang sangat berharga. Semoga program ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan menjadikan anda semua sebagai mahasiswa UiTM yang cemerlang, mempunyai nilai I-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Bertanggungjawab) dan berkualiti tinggi.

8. Inisiatif sebegini turut menyokong konsep Malaysia Madani untuk menggalas tanggungjawab insititusi pendidikan tinggi dalam memacu agenda melahirkan modal insan melalui inovasi dan pendekatan segar, strategik dan pragmatik seperti yang disampaikan dalam petikan titah diraja KDYMM SPB Yang Dipertuan Agong Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen ke15 pada 13 Februari 2023.

9. Pelaksanaan program ini juga, dapat memberikan pendedahan dan pengalaman luas kepada mahasiswa justeru menyokong penuh agenda Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi dalam usaha pemerkasaan mahasiswa.

10. Saya menyokong sepenuhnya usaha daripada semua pihak yang telah memastikan kejayaan pelaksanaan program berimpak ini.

11. Sampaikan salam saya kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr. Hjh Rose Nani Mudin yang akan merasmikan program ini di Pulau Mabul, Sabah pada 1 Mac 2023.

12. Akhir kata, semoga berjaya dalam merealisasikan misi murni ini. Semoga dipermudahkan urusan dan perjalanan pergi dan pulang anak-anak dan semua staf petugas. Tahniah dan terima kasih atas komitmen dan usaha anda membantu para pelajar menjayakan program ini.

13. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan ini menyempurnakan "**Majlis *Flag Off* - Pelepasan Delegasi Projek *Reaching Out- University Social Responsibility (USR): UiTM – JKN Sabah 2023***".